

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1970<sup>1</sup>

JAWATANKUASA PERHUBONGAN KAKITANGAN  
KERAJAAN

Oleh kerana perjalanan Majlis Whitley telah di-gantong berikutan dengan perisytiharan dzarurat maka rundingan di-antara Pehak Pekerja dan Pehak Pegawai tidak lagi ujud sa-bagaimana biasa dahulu. Walau pun begitu, perhubungan sechara tidak langsung maseh ujud melalu<sup>2</sup> Jabatan Perkhidmatan 'Awam. Bagi kebaikan perkhidmatan, lebeh<sup>2</sup> lagi untuk menjamin kepentingan kakitangan, Kerajaan berpendapat patut di-adakan perhubungan sechara langsung di-antara kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan dengan Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat bagi pehak Kerajaan. Seterus-nya Kerajaan telah memutuskan supaya di-tubuhkan jawatankuasa<sup>2</sup> yang di-namakan "Jawatankuasa Perhubungan Kakitangan Kerajaan" di-tiap<sup>2</sup> Jabatan atau Pejabat di-mana kakitangan Kerajaan dapat mengadakan perhubungan dengan Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat mereka dan mengemukakan pendapat mereka serta membincangkan perkara<sup>2</sup> yang patut di-selesaikan di-antara kedua pehak. Dengan itu pendapat<sup>2</sup> dan kehendak<sup>2</sup> kakitangan dapat di-kemukakan kapada Kerajaan dan keputusan<sup>2</sup> Kerajaan dapat di-sampaikan kapada kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan.

**Tugas<sup>2</sup> Jawatankuasa Perhubungan Kakitangan Kerajaan**

2. Khusus-nya tugas<sup>2</sup> Jawatankuasa ini ada-lah untuk membincangkan perkara<sup>2</sup> mengenai berikut:

- (i) apa<sup>2</sup> kemushkilan kakitangan Kerajaan selain daripada perkara<sup>2</sup> tatatertib, kenaikan pangkat atau pun syarat<sup>2</sup> perkhidmatan melainkan kemushkilan itu berbangkit di-sebabkan salah penggunaan dasar yang telah sedia di-tetapkan;
- (ii) perkara<sup>2</sup> mengenai pembahagian jadual kerja di-antara kakitangan .di-pejabat;
- (iii) perkara<sup>2</sup> mengenai kebajikan kakitangan di-pejabat dan lain<sup>2</sup> hal yang tidak menyentuh dasar Kerajaan yang di-benarkan oleh Pengerusi.

### Perwakilan Jawatankuasa

3. Jawatankuasa ini hendak-lah mengandongi pegawai<sup>2</sup> seperti berikut:

- (i) Pengerusi ... Ketua Jabatan/Pejabat
- (ii) Setiausaha ... Pegawai yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> pentadbiran/perkhidmatan di-dalam Kementerian/Jabatan/Pejabat
- (iii) Ahli<sup>2</sup> yang lain:
  - (a) sa-orang wakil dari pegawai<sup>2</sup> dalam Bahagian I di-dalam Kementerian/Jabatan/Pejabat;
  - (b) sa-orang atau sa-tinggi<sup>2</sup>-nya 2 orang wakil dari pegawai<sup>2</sup> dalam Bahagian II dalam Kementerian/Jabatan/Pejabat;
  - (c) 2 orang wakil dari pegawai<sup>2</sup> dalam Bahagian III dalam Kementerian/Jabatan/Pejabat;
  - (d) sa-kurang<sup>2</sup>-nya 2 orang dan sa-tinggi<sup>2</sup>-nya 4 orang wakil daripada pekerja<sup>2</sup> dalam Bahagian IV dan IMG;
  - (e) sa-orang pegawai yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> kewangan di-Kementerian/Jabatan/Pejabat.

4. Wakil<sup>2</sup> yang di-nyatakan di-perenggan 3 (iii) (a)-(d) ada-lah di-lantek oleh Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan daripada chalun<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh pegawai<sup>2</sup> di-dalam Jabatan/Pejabat itu. Sa-belum membuat perlantekan, Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat hendak-lah menetapkan bahawa bilangan nama<sup>2</sup> pegawai yang di-chalunkan oleh pegawai<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat berkenaan ada-lah lebeh daripada bilangan perwakilan yang di-tentukan supaya Ketua Jabatan/Pejabat dapat memilih mana yang sesuai di-lantek.

### Perjalanan Meshuarat

- 5. (i) Meshuarat Jawatankuasa Perhubungan hendak-lah di-pengerusikan oleh Ketua Jabatan/Pejabat dan jika ia-nya tidak hadir hendak-lah di-lantek sa-orang pegawai kanan menggantikan-nya.
- (ii) Jawatankuasa Perhubungan boleh-lah mengadakan meshuarat beberapa kali yang di-anggap perlu oleh pengerusi tetapi sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-kali dalam satu bulan.
- (iii) Keputusan di-ambil tidak sechara undi dan pengerusi di-kehendaki menchatitkan untuk rekod.

6. Keputusan yang di-ambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan<sup>2</sup> lain dan tidak pula bertelingkahan dengan dasar Kerajaan boleh-lah di-selenggarakan terus oleh Ketua Pejabat/Jabatan. Bagi keputusan<sup>2</sup> yang ada berkait dengan dasar Kerajaan atau pun dengan Jabatan<sup>2</sup> lain ia-nya hendak-lah di-rujukkan kepada Jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan atau pun kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

7. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ada-nya Jawatankuasa Perhubungan ini kakitangan<sup>2</sup> akan menggunakan-nya dengan sepenoh-nya untuk mengadakan perhubungan dengan Kerajaan. Dengan itu juga Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat akan dapat mengetahui hasrat dan keadaan kakitangan di-Jabatan/Pejabat masing<sup>2</sup>. Jika Ketua Jabatan berpendapat perkara yang di-binchangkan oleh kakitangan mereka perlu di-timbangkan selanjut-nya maka ia-nya mesti-lah mengemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk menimbangkan soal tersebut di-perengkat yang lebih tinggi. Jawatankuasa Perhubungan ini tidak dapat mencapai tujuan yang di-chipta bagi-nya melainkan dengan bimbingan<sup>2</sup> yang tegas di-beri oleh Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat dan juga kerjasama yang erat daripada kakitangan<sup>2</sup>. Oleh itu Ketua<sup>2</sup> Jabatan/Pejabat dan kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan semua-nya hendak-lah memberi kerjasama yang semesti-nya untuk menjayakan perjalanan Jawatankuasa Perhubungan Kakitangan Kerajaan demi kepentingan perkhidmatan dan kakitangan Kerajaan. Bilangan jawatankuasa<sup>2</sup> ini bagi tiap<sup>2</sup> satu Kementerian atau Jabatan itu terpulang-lah kepada Setiausaha<sup>2</sup> Tetap/Setiausaha<sup>2</sup> Kementerian menentukan-nya mengikut kehendak dan kedudukan Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam, Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN 'AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR,  
*1hb Jun, 1970.*

---

CATATAN;

<sup>1</sup> Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/73 mulai 2hb Februari, 1973.